

---

## PRESS – ONLINE

---

<b>Publication</b>	Malaysiatribune.news	<b>Day/Date</b>	Mon, 6 May 2024
<b>Section</b>	Uncategorized	<b>Pageviews</b>	28,000
<b>Headline</b>	DSA, NATSEC 2024 : PM gesa pemain industri pertahanan tempatan rebut peluang di pentas antarabangsa		
<b>URL</b>	<a href="https://malaysiatribune.news/2024/05/06/dsa-natsec-2024-pm-gesa-pemain-industri-pertahanan-tempatan-rebut-peluang-di-pentas-antarabangsa/">https://malaysiatribune.news/2024/05/06/dsa-natsec-2024-pm-gesa-pemain-industri-pertahanan-tempatan-rebut-peluang-di-pentas-antarabangsa/</a>		



# MALAYSIA TRIBUNE



## DSA, NATSEC 2024 : PM gesa pemain industri pertahanan tempatan rebut peluang di pentas antarabangsa

KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa pemain-pemain industri pertahanan tempatan merebut sempena penganjuran Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2024 yang berlangsung hari ini.

Beliau berkata, acara yang berlangsung selama tiga hari itu menawarkan peluang yang cukup bernilai kepada sektor pertahanan negara untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama perdagangan, pertukaran teknologi dan maklumat.

"Dalam masa beberapa hari ini (DSA dan NATSEC) kita mempunyai peluang yang sangat besar untuk mengadakan sesi dialog antara negara melibatkan sektor pertahanan dan industri keselamatan.

"Kepada pemain industri pertahanan tempatan, saya minta rebutlah peluang ini untuk mempamerkan kebolehan kita dan inovasi di pentas antarabangsa," katanya semasa merasmikan pameran DSA dan NATSEC Asia 2024 di sini hari ini.

Pameran DSA dan NATSEC Asia 2024 yang berlangsung di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini hingga Khamis, mempamerkan teknologi dan aset peperangan elektronik tercanggih di dunia dalam sektor pertahanan darat, udara dan laut.